
SESI PENDENGARAN AWAM**JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG
BILIK GERAKAN DEWAN NEGERI, BANGUNAN SULTAN ISMAIL
KOTA ISKANDAR, ISKANDAR PUTERI, JOHOR****JUMAAT, 8 NOVEMBER 2019**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA**Hadir:**

YB. Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] - *Pengerusi*
YB. Dr. Su Keong Siong [Kampar]
YB. Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]
YB. Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]
YB. Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

Tidak Hadir [Dengan Maaf]:

YB. Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]
YB. Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]

URUS SETIA

Encik Wan Ahmad Syazwan bin Wan Ismail [Ketua Penolong Setiausaha,
Seksyen Pengurusan Kamar Khas Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat]
Encik Muhammad Amir Lutfi bin Makhtar [Penolong Setiausaha Seksyen Perundangan dan
Prosiding, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat]
Puan Siti Fahlizah binti Padlee [Pegawai Penyelidik, Seksyen Sains, Tenaga dan Teknologi,
Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan]
Cik Aiza binti Ali Raman [Penasihat Undang-undang II Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA**Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP)**

Tuan Mohamad Onn bin Abd. Aziz [Setiausaha]
Puan Eda Mazuin A. Rahman [Penasihat Undang-undang]
Encik Muhammad Hakeem bin Buang [Penolong Pegawai Undang-undang]

Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC)

Encik Noor Rosidi bin Abdul Latif [Pengaroh Bahagian Undang-undang]

Polis Diraja Malaysia (PDRM)

SAC Dato' Mohd Azman bin Ahmad Sapri [Ketua Urus Setia Ketua Polis Negara
(Perundangan)]

Kementerian Dalam Negeri

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof [Setiausaha Bahagian Keselamatan]

samb/-

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri**

Dato' Rohaizi bin Bahari [Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan)]

Pejabat Penasihat Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri

Puan Jastina binti Zainal Abidin [Pegawai Undang-undang]

Jabatan Peguam Negara

Puan Farah Azlina binti Latif [Penolong Kanan Penggubal Undang-undang Parlimen]

PEMBENTANG**Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis (Bahagian A)**

SAC Yusof bin Ahmad [Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Johor]

SAC Razimi bin Ahmad [Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti Johor]

ACP M. Kumar a/l S. Muthuvelu [Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (Siasatan dan Perundangan) Johor]

ACP Zaharuddin bin Md. Rasip [Ketua Polis Daerah Muar]

ACP Salim bin Youb [Ketua Cawangan Khas Melaka]

ACP Mohd. Nor Yhazid bin Idris [Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Melaka]

ACP Dr. Zafari bin Zulkifli [Ketua Cawangan Khas Negeri Sembilan]

ACP Mohd Said bin Ibrahim [Ketua Polis Daerah Seremban]

Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis (Bahagian B)

INSP Harminder Singh a/l Pritam Singh [Pengerusi Kontinjen Negeri Sembilan]

INSP Zaidi bin Mohd Nor [Pengerusi Kontinjen Johor]

Persatuan Pegawai Rendah Polis Diraja Malaysia

SI Mohd Isa bin Haji Simbok [Timbalan Presiden]

Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis Bersara Malaysia (Johor)

Datuk A. Sabapathy [Pengerusi]

Tetuan Azam Aziz Shaharudinali & Co

Dato' Shaharudin bin Datuk Haji Ali [Peguambela dan Peguamcara]

Encik Muhammad Noor Azfar bin Noor Azmi [Peguam]

Persatuan Kepolisian Komuniti Taman Nesa

Puan Kogilavani a/p Supermaniam [Pengerusi]

Puan Janagi Letchumanan [Setiausaha]

Encik Murugan a/l A. Kaliappan [Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga Taman Nesa]

samb/-

PEMERHATI**Polis Diraja Malaysia, Kontinjen Johor**

CP Dato' Kamarudin bin Md Din [Ketua Polis Johor]

SAC Razimi bin Ahmad

ACP Dzulkhairi bin Mukhtar

ACP Mohd Zaid Ahmad

ACP Razak Md. Said

ACP Norhasmawaty binti Mustapa

ACP Mohd Safie Yasim

ACP Mohd Nazrol Bongsu

ACP Tan Moh Chuan

ACP Azhan bin Abdul Halim

ACP Mohd Nor bin Mohd Isa

ACP Mohd Zain bin Kalid

ACP Mohd Abduh bin Ismail

SUPT Raub Selamat

SUPT M. Kamanasan

SUPT Noor Azman Jamal

SUPT Ismail Dollah

SUPT Rehiman bin Abdullah

SUPT Ahsmon Bajah

SUPT Lee King Chuan

DSP Azlan Ahmad

DSP Victor Genason

DSP Nik Mohd Razali Husin

DSP Idris bin Abdul Rahman

DSP Alagesan a/l Arumugam

DSP Borhanudin bin Ismail

DSP Azlan Ahmad

DSP Yusof bin Haji Othman

DSP Lye Boon Choy

ASP Billy Macmiller

SI Abdullah Sani

SJN/M Haji Zamri

SJN/M Abd Ghani

SJN/M Rosila

SJN/M Haji Baharuddin

SJN/M Yusuf

SJN/M Yusuf bin Ramji

SJN/M Mohsin bin Kome

SJN Abd. Halim bin Abd. Rahim

SJN Bajuri Mohd Nor

SJN Zamri

SJN Shahrul Hisyam bin Abdul Kapar

KPL Hafiza

KPL Mohd Rizal

KPL Abdul Hadi

KPL Mohd Azwan

KPL Azizi bin Zainal

KPL Abdul Hadi

KPL Radzi bin Abas

Tuan Azman bin Admen

Tuan Mahdi bin Mazelan

samb/-

PEMERHATI (samb/-)**Polis Diraja Malaysia, Kontinjen Melaka**

ACP Beh Eng Lai
SUPT Arshad bin Abu
DSP Idris bin Abdul
ASP Fadilah binti Mohd Nor
INSP Zaida Hartini binti Abdul Rashid
SUB INSP Kamarudzaman bin Khandree
SJN/M Zainal bin Sahain
SJN/M Muzaiyim bin Baharum
SJN/M Mohd Shafiee bin Che Mat
Tuan Zulkiflee bin Haji Rashid
Tuan Reseman bin Ajiman
Tuan Azman bin Khamis
Tuan Masli bin Ali
Tuan Rossali bin Azman
Tuan Ahmad Rahim bin Dollah
Tuan Ahmad Jamil bin Radzi
Tuan Mohd Zin bin Abdul Rahman
Tuan Mohd Fadzli bin Othman
Tuan Mohd Nor Yhazid bin Idris

Polis Diraja Malaysia, Kontinjen Negeri Sembilan

ACP Mohd Said bin Ibrahim
ACP Dr. Zafari bin Zulkifli
ACP Wan Rukman bin Wan Hassan
SUPT Amran bin Mohd Gani
SUPT Aidi Sham bin Mohamad
SUPT Haslah bin Bachok
SUPT Pang Jin Lai
DSP Ikbaal bin Mustafa
DSP Anuar Bakri bin Abdul Salam
ASP Rozman bin Pit
ASP Abdul Mazan bin Yahya
INSP Mohd Amar Zin bin Mohd Zin
SJN/M Sahli bin Kabi
SJN/M Mohd Rauzan bin Dahuri
SJN/M Anwar bin Omar
SJN Zakaria bin Md Juda
KPL Zulkefly bin Abu
KPL Hizod Radzi bin Abas
Tuan Fairuz bin Kamal Subramaniam
Tuan Mohd Hafiz bin Muhammad Nor

Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis Bersara Malaysia (Negeri Sembilan)

Dato Osman bin Salleh
Dato Mohd Nadzri bin Zainal Abidin
Tuan Haji Abdul Samad bin Abu
Tuan Jamalludin bin Jamin

samb/-

PEMERHATI *(samb/-)*

Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis Bersara Malaysia (Melaka)

Tuan Ahmad bin Lihat

Orang Awam

Encik Ong Kong Hong

LAPORAN PROSIDING**SESI PENDENGARAN AWAM
MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEDUA****Jumaat, 8 November 2019****Bilik Gerakan Dewan Negeri, Bangunan Sultan Ismail,
Kota Iskandar, Iskandar Puteri, Johor****Mesyuarat dimulakan pada pukul 9.35 pagi***[Yang Berhormat Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Saksi-saksi daripada Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis (Bahagian A), Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis (Bahagian B), Persatuan Pegawai Rendah Polis Diraja Malaysia dan Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis Bersara Malaysia (Johor) mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi: Selamat pagi kepada semua tuan-tuan dan puan-puan yang hadir bagi sesi pendengaran awam ini iaitu berhubung dengan penimbangan Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) 2019.

Just untuk latar belakang. Ini adalah sesi ketiga yang kami adakan di luar Kuala Lumpur. Pertamanya di Kuching, keduanya di Pulau Pinang, sekarang di sini dan kami juga akan mengadakan lagi satu sesi di Kota Kinabalu pada hari Ahad. Jadi, tujuan kami mengadakan sesi ini adalah untuk mendapat *feedback* daripada semua tuan-tuan dan puan-puan.

Hari ini saya hadir bersama Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Roosme binti Hamzah dan juga Ahli-ahli Jawatankuasa yang hadir bagi tujuan mengadakan- *we will have a session with you all later*. Kami juga mempunyai bersama kami ahli-ahli *ex-officio* yang telah pun hadir bersama kami untuk semua sesi kami setakat sekarang. Mereka juga akan turut menyertai sesi ini sekiranya diperlukan mungkin ada sesi soal dan jawab nanti.

Di dalam rang undang-undang ini, *just* untuk bagi tahu, ada dua bahagian. Rang undang-undang asal dan juga cadangan pindaan-pindaan yang telah pun dikemukakan di Dewan Rakyat. So, kedua-dua bahagian ini, keseluruhan rang undang-undang atau *entire bill* adalah boleh dibentangkan dan *feedback* boleh diberi untuk semua. *Not only part of it, but the entire bill including the 25 amendments*. Ada 25 amendments. Juga, *just* untuk memaklumkan

kepada semua, kesemua prosiding ini akan direkodkan ke dalam *Hansard* Parlimen. So, *everything* apa yang dinyatakan akan direkodkan.

Sekiranya tuan-tuan dan puan-puan ingin membuat penghujahan, sila tekan *mic and introduce yourself*, perkenalkan diri untuk rekod dan *speak into the mic* kerana *we need it for the record*.

Okay, I think tanpa melengahkan masa, hari ini bersama kami pada sesi sekarang, kami mempunyai empat badan ataupun persatuan dari pihak polis. Pertamanya, Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis (Bahagian A). Kedua, *is* Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis (Bahagian B). Ketiga *is* Persatuan Pegawai Rendah Polis Diraja Malaysia dan keempat, Pengerusi Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis Bersara Malaysia (RESPA) bagi negeri Johor. So, saya akan memanggil pertamanya, SAC Yusof bin Ahmad yang mewakili persatuan pertama tadi iaitu Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis (Bahagian A). Silakan.

9.39 pagi.

SAC Yusof bin Ahmad [Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Johor, Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis (Bahagian A)]: Selamat pagi, salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan.

Saya SAC Yusof bin Ahmad, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Johor yang mengetuai kumpulan A. Di sini, untuk pandangan dan makluman Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kita polis di Johor Bahru khususnya, memang menyokong penuh di atas saranan Ketua Polis Negara iaitu menyokong pelaksanaan implementasi IPCMC ini dengan bersyarat. Makna kata, bila dengan bersyarat itu, banyak yang kita akan tengok. Jadi, persoalannya, hasil daripada penelitian terhadap *bill* ini, ia memberi gambaran bahawa ia terlalu *general*, umum. Satu, bahawa setiap undang-undang yang digubal itu untuk memastikan ia memberi perlindungan, manfaat kepada rakyat jelata, selain daripada adil dan saksama.

■0940

Dalam aspek *bill* ini, *stakeholders* adalah PDRM dan juga rakyat. Jadi, tujuan saya membangkitkan persoalan ini adalah kerana setiap undang-undang bertulis mestilah memberi keadilan kepada semua pihak. Dalam isu implementasi IPCMC ini, saya berpendapat ada peruntukan seksyen yang tidak adil kepada pasukan Polis Diraja Malaysia yang merupakan *stakeholder*. Oleh sebab itu, dimintalah satu kajian yang lebih menyeluruh perlu dibuat dengan mengambil kira semua faktor-faktor yang melibatkan PDRM dan kesannya kepada masyarakat untuk jangka masa akan datang, jangka masa yang panjang. Tuan Pengerusi, itu soalan sayalah, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih SAC. Ada sesiapa yang lain yang ingin menambah kepada hujahan-hujahan tersebut dari kumpulan pertama, sebelum saya menjemput

kumpulan kedua? Tidak ada? Jadi, saya... *[Disampuk]* Itu saya bercadang, *I think we will leave that to the end.* Kami akan mendengar semua. Jadi, selepas itu kami akan mengadakan sesi soal jawablah ya untuk mengelakkan pengulangan soalan.

Jadi, saya menjemput wakil dari kumpulan kedua iaitu Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis Bahagian B, Inspektor Harminder Singh a/l Pritam Singh. Silakan.

9.43 pagi

Insp. Harminder Singh a/l Pritam Singh [Pengerusi Kontinjen Negeri Sembilan, Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis (Bahagian B)]: Selamat pagi Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Datuk, Dato', tuan-tuan...

ACP M. Kumar a/l S. Muthuvelu [Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (Siasatan dan Perundangan) Johor, Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis (Bahagian A)]: *Excuse me, Yang Berhormat Mr. Chairman. We have got few questions with regard to the rest of us. That means, after Tuan Yusof, we have SAC...*

Tuan Pengerusi: *That is what I propose just now. If...*

Datuk Roosme binti Hamzah [Setiausaha]: Pembentang satu, *is it?*

ACP M. Kumar a/l S. Muthuvelu: *Yes. We have got... [Disampuk]* Pembentang satu. *We are all this group-* pembentang satu.

Tuan Pengerusi: *This is group one.*

ACP M. Kumar a/l S. Muthuvelu: *Yes.*

Tuan Pengerusi: *First group.*

ACP M. Kumar a/l S. Muthuvelu: *Yes. First group comprises of eight persons.*

Tuan Pengerusi: *Then, I think what we do is we finish with the first group. Whatever submission that you might want to make questions and so on, you can raise them now. And then, we will reserve the session for answering of it after we hear everyone. Because, some questions, if we were to engage to them now, might be repeated later. So, we might as well do it at one go at the end.*

So, that is why I said, if there any others representative from the first group, before I call the second group. So please feel free to raise your submission now or questions which will record now. So, if you are from the first group- it is still the first group, I take it. Still the first group. Then, I think you can carry on. We finish with the first group first. Identify yourself. Once we finish with the first group, we move on to the second group.

ACP M. Kumar a/l S. Muthuvelu: *Just to add to it. We got eight of us from first group.*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Can you introduce yourself?*

9.45 pagi.

SAC Razimi bin Ahmad [Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti Johor, Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis (Bahagian A)]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh dan selamat pagi, Yang Berhormat.*

Saya SAC Razimi bin Ahmad, Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor. Setelah melihat draf Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 ini, mendapati bahawa ia masih belum cukup matang iaitu *premature* kerana, satunya, tidak ada atau tidak nampak wujudnya mekanisme ataupun draf peraturan-peraturan pelaksanaannya yang mana sepatutnya ia dibuat untuk dibacakan selari atau dibacakan sekali dengan draf rang undang-undang ini. Ia menjadikan macam tidak ada ketelusan atau tidak *transparent* apabila undang-undang ini diluluskan nanti. Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, dan ya, ada penghujah lain dari kumpulan pertama?

9.46 pagi

ACP M. Kumar a/l S. Muthuvelu: *Good morning, Yang Berhormat Mr. Chairman, distinguish Member of Parliament Select Committee, I'm ACP M. Kumar a/l S. Muthuvelu, Deputy of OCCI Johor Contingent. Yang Berhormat, Mr. Chairman from my humble observation, I was attracted to the preamble of this act.*

Okay, with the permission Yang Berhormat, I would like to quote the preamble of the act, the last two lines, "investigation of misconduct, proceedings to deal with misconduct, etc., and for related matters".

Yang Berhormat, if I may, I just like to outline to all the audience here, what is "preamble"? "Preamble" according to the law is an introductory part of statute or preliminary statement and the purpose is to describe the nature, the purpose and objective of the act. Further, it has also the interpretation of the documentation itself. So, these two words, the word "etcetera" and "related matters", carry a wide range of issues. At such it is with ambiguity and gives rise to more question than answer Yang Berhormat.

An example, I would like to quote Yang Berhormat if I may, the act in general deals with the misconduct, the order of the day. But referring to section 34 of the bill, the offences part, I quote, "A person who hinders or attempts to hinder any person from giving evidence before the Commission or by threats, deters or attempts to deter any person...". A threat is well defined under Penal Code, Yang Berhormat.

So, in this case, the police will be faced with an option or we have to choose whether is it to be investigated under Penal Code or this section? The law is procedural in nature or

substantive in nature Yang Berhormat? Further Yang Berhormat, I would like also attracts Yang Berhormat attention to section 47, responsibility to refer cases of grievous hurt or death in custody, Yang Berhormat. Here, Chapter 32 of CPC, Part 8...

Tuan Pengerusi: *Sorry, what section?*

ACP M. Kumar a/l S. Muthuvelu: *Section 47 of the bill Yang Berhormat, responsibility to refer cases of grievous hurt or death in custody. Here, it is a repeated- here we have got a CPC which is define what need to be done is cases of death in custody. So, would this IPCMC supersede the provision of CPC by virtue of chapter 32, part 8. My area of concerns with regards to these issues Yang Berhormat and that all for now. Thank you very much Yang Berhormat.*

Tuan Pengerusi: *Thank you. Any other submission from the first group? Silakan.*

9.49 pagi

ACP Zaharuddin bin Md. Rasip [Ketua Polis Daerah Muar, Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis (Bahagian A)]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pada pagi ini.*

Saya ACP Zaharuddin bin Md. Rasip, Ketua Polis Daerah Muar merangkap Pengerusi PPKPA Johor.

Soalan pertama saya yang saya hendak timbulkan, pertama ialah berkaitan dengan seksyen ataupun fasal 24 draf undang-undang ini. Kalau kita lihat, fasal 24(1), apa-apa aduan yang dibuat hendaklah secara bertulis. Di sini apa yang saya dan kita akan jangkakan tanpa tapisan yang ketat, akan mencurahkan aduan ditujukan kepada IPCMC apabila diluluskan nanti. Ini termasuklah juga pada pihak polis yang tidak akan bekerja, moral akan *down automatic, because* telah diuar-uarkan, *any complaint* dibuka. Saya ada dengar juga sehingga peringkat telefon, *WhatsApp* akan diterima.

■0950

Saya ingin mencadangkan di sini- adalah wajar untuk mengurangkan beban IPCMC dan juga menaikkan imej polis yang di masa akan datang, perlulah aduan ini diambil secara bersumpah. Ini kerana kita tahu pengadu-pengadu adalah juga mereka yang terlibat dalam kes yang disiasat oleh pihak polis. Mereka juga adalah suspek. Cuma timbul tidak puas hati dan menimbulkan aduan atau apa-apalah kepada IPCMC. Itu yang pertama daripada sayalah.

Kita kena fikir masalah IPCMC hendak menyiasat nanti dengan mencurahkan-mencurahnya aduan, mampukah IPCMC membuat kerja mereka dan juga polis penting di Malaysia ini. Kalau polis dah *down* moral dia, siapa lagi akan mengawal Malaysia. Itu yang pasti.

Kedua, fasal 24(2). Serta-merta merujuk salah laku kepada Jawatankuasa Aduan IPCMC. Jika ada pengaduan selepas IPCMC ini dilancarkan atau diluluskan, pengadu hendak terus *direct* kepada JIPS atau Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard polis. Mengapa JIPS tidak boleh menyiasat? Yakni yang akan datanglah dan perlu merujuk kepada IPCMC dahulu.

Persoalannya, adakah IPCMC mengambil sepenuhnya kuasa JIPS polis atau hanya satu badan *complementary* sahaja?

Soalan ketiga saya, merujuk pada fasal 25 dan juga merujuk pada fasal 22(f) iaitu perlakuan apa-apa kesalahan jenayah oleh anggota polis. Dalam fasal 25(b), dinyatakan, "*jika aduan melibatkan apa-apa kesalahan jenayah di bawah apa-apa undang-undang bertulis, aduan hendaklah rujuk kepada pihak berkuasa yang berkenaan*". Okey. Siapakah dia pihak berkuasa yang berkenaan? IPCMC ditubuhkan antara lain kerana orang awam tidak percaya polis. Kalau merujuk kepada pihak yang berkenaan, siapakah pihak itu yang dibekalkan dengan kuasa-kuasa polis untuk menyiasat kes-kes jenayah?

Adakah IPCMC ada satu tim yang dibekalkan kuasa-kuasa polis untuk menyiasat atau balik pada pihak polis akan wujud- kalau sampai pihak awam, dia masih lagi polis yang siasat. Sebab antara isu-isu yang timbul fasal IPCMC adalah mereka tidak percaya polis yang menyiasat. So, siapakah sebenarnya yang akan menyiasat selepas itu kes-kes jenayah?

Dengan izin Yang Berhormat, kenapa tidak keluarkan perlakuan jenayah ini pada IPCMC? Cadangan saya, dengan izinlah [*Ketawa*] Kalau tak nak ini, kita ambil salah laku sahaja. Kita keluarkan perlakuan jenayah dan ada satu badan lain yang akan lapor. Kalau serah pada IPCMC, masyarakat akan kata "*Eh, masih lagi polis yang menyiasat*".

Seperti contoh, mati dalam lokap. Memang koroner yang menyiasat atau majistret. Akan tetapi *later part* tetap kepada polis yang membuka HDR.

Seterusnya Yang Berhormat, daripada rakan-rakan saya yang telah menjelaskan sebelum ini, saya rasa eloklah kita perhalusi semula susunan ayat. Contoh yang- termasuk yang saya katakan tadi supaya orang awam faham, apa sebenarnya IPCMC dan juga contohnya macam pihak berkuasa berkenaan, kenapalah kita tidak nyatakan polis juga. Kenapa hendak melindungi? Kalau SPRM dinyatakan jelas, kenapa polis tidak dinyatakan jelas dalam IPCMC? Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ada sesiapa lain dari Kumpulan A?

9.56 pagi

ACP Salim bin Youb [Ketua Cawangan Khas Melaka, Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis (Bahagian A)]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum* dan selamat sejahtera Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Datuk, Dato' dan tuan-tuan.

Saya ACP Salim bin Youb (KCK Melaka) ingin menyentuh tentang seksyen 32(3) yang mana dalam prosiding ini untuk menangani salah laku. Di mana menyatakan lembaga tatatertib hendaklah menyelesaikan prosiding untuk menangani salah laku ini dengan cara sebagaimana yang suruhanjaya berpendapat paling sesuai bagi menyelesaikan yang adil dan cepat. *Last word*, 'adil' dan 'cepat'. Tidak melambangkan satu spesifik yang mana ia terlampau *general* dan sepatutnya undang-undang ini digubal mempunyai masa yang tepat untuk memaklumkan dan akhirnya membuat satu rangka yang dalam masa yang telah ditentukan. Kalau kita rujuk balik kepada siasatan yang melibatkan JIPS dalam PDRM, tempoh masa telah pun ditetapkan, dalam masa enam bulan fail ataupun tindakan tatatertib perlu diselesaikan.

Jadi, dalam peruntukan ini telah menunjukkan satu perkara yang sangat *general* dan tidak fokus terhadap masa yang sepatutnya. Di sini kalau kita kaitkan lebih jauh sedikit, ia juga serupa yang seperti yang dikatakan oleh tuan-tuan kumpulan saya yang pertama ini mengatakan *morality* dan juga imej akan menurun dan sebagainya.

Kita lihat bahawa sekiranya seorang pegawai atau anggota itu telah pun disabit atau hendak disabitkan dengan kesalahan, kemudian dia tidak diberi satu tempoh masa dalam kajian untuk diambil tindakan menjalankan siasatan.

Jadi kalau dalam tempoh masa tersebut, pertama sekali kalau melibatkan mereka yang mungkin ada peluang menghadiri kenaikan pangkat dan sebagainya untuk diberikan sebenarnya dia *performance* bagus dan hendak diberikan *acting* dan sebagainya, tetapi oleh kerana tidak ada program ini, jadi terpaksa nama dia orang ini diketepikan.

Akhirnya, dia tidak ada *ending* pada yang terlibat dan akhirnya mereka mungkin akan menurun imej dan juga- bukan kata pada pasukan, kepada diri dia, keluarga dan sebagainya. Kalau kita ambil jauh sedikit, kalau ada yang hendak berpencen atau bersara ada lebih kurang dalam setahun ataupun tidak sampai setahun ataupun dua tahun. Tiba-tiba tidak ada satu *specific time* itu, akhirnya dia tidak tahu sampai dia pencenlah.

Jadi, *benefit* untuk pencen itu pun dia tidak tahu dan akhirnya, kalau dia dah terlibat dengan servis 38 tahun, 39 tahun dan 40 tahun, apa yang dia dapat. Jadi, dia rasa macam *ending* daripada perkhidmatan tidak menunjukkan satu yang orang *respect* atas dia punya servis yang macam itu lama. Jadi, *why not* undang-undang ini ada spesifik untuk selesaikan siasatan itu dengan satu masa yang telah ditetapkan. Terima kasih.

9.58 pagi

ACP Mohd. Nor Yhazid bin Idris [Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Melaka, Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis (Bahagian A)]: Salam sejahtera dan selamat

pagi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Datuk Seri, Dato' Sri dan Datuk, Dato', tuan-tuan dan puan-puan.

Saya ACP Mohd. Nor Yhazid bin Idris, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah, Melaka. Bagi saya Yang Berhormat, setelah melihat pada draf undang-undang ini saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat tentang satu bahagian skop aduan salah laku, di mana saya ingin membangkitkan berkaitan fasal 22, undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 iaitu skop salah laku. Di bawah fasal 22(1) di mana suruhanjaya boleh menerima aduan atau mengurus aduan terhadap mana-mana anggota pasukan polis yang dirujuk kepadanya mengenai salah laku.

Di dalam fasal ini, terdapat dua sub fasal iaitu berkaitan sub fasal (1) dan (2). Di mana sub fasal (1)(a), (b), (c), (d) dan (f). Saya ingin menjurus kepada fasal (1) ini. Walau di bawah sub fasal seksyen (1)(a), (b) dan (f) adalah menjurus kepada kesalahan salah laku yang jelas dan nyata. Di mana bahagian (a) apa-apa tindakan diambil atau tidak diambil yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang bertulis. Ia jelas dan nyata.

■1000

Sub fasal (b), "*Ketidakpatuhan kepada kaedah-kaedah dan tatacara operasi standard polis*". SOP jelas dan nyata. Sub fasal (f), "*Pelakuan apa-apa kesalahan jenayah oleh anggota pasukan polis*". Di sini kita lihat sub fasal (a), (b) dan (f) ini adalah jelas dan nyata.

Di mana bagi sub fasal (1)(c), (d) dan (e), ia sepatutnya tidak dimasukkan kerana tafsiran ini adalah terlalu umum dan tidak jelas dan nyata. Tafsiran ini adalah tidak jelas di dalam sub fasal (1)(c), (d) dan (e) yang membawa maksud perkataan seperti "*tidak munasabah*", "*tidak wajar*" dan "*tidak berkaitan*" di dalam draf ini. Adalah terlalu umum tafsiran ini dan memberi ketidakadilan kepada pihak polis. Undang-undang sepatutnya perlu jelas dan nyata untuk ditafsirkan. Ini adalah untuk keadilan kepada semua pihak. Oleh itu, saya mencadangkan kepada pihak Yang Berhormat dan ahli panel untuk dikeluarkan sub fasal (1)(c), (d) dan (e) ini. Sekian.

10.02 pagi

ACP Dr. Zafari bin Zulkifli [Ketua Cawangan Khas Negeri Sembilan, Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis (Bahagian A)]: *Assalamualaikum* dan selamat pagi Tuan Pengerusi, Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan.

Saya ACP Dr. Zafari bin Zulkifli, Ketua Cawangan Khas Negeri Sembilan. Dengan izin, saya ingin menarik perhatian kepada seksyen 6(2) yang berbunyi, "*Tiada seorang pun boleh dilantik sebagai anggota Suruhanjaya jika dia ialah atau pernah menjadi seorang anggota pasukan polis atau dia ialah seorang anggota perkhidmatan awam*".

Berhubung dengan perkara ini, saya berkehendakkan supaya dimasukkan pegawai polis atau bekas polis dan pegawai perkhidmatan awam sebagai salah seorang daripada Rang Undang-undang Suruhanjaya Aduan Bebas dan Salah Laku Polis 2019. Sebagai contoh, Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan terdiri daripada pekerja, majikan, kementerian dan orang awam. Majlis Perundingan Gaji Negara terdiri daripada pekerja, majikan dan orang awam. Begitu juga dengan Majlis Disiplin Peguam-peguam terdiri daripada peguam dan orang awam.

Dalam konteks ini, apabila Suruhanjaya ini tidak dianggotai oleh pegawai polis atau bekas pegawai polis, bagaimana pembelaan terhadap polis? Bagi pandangan saya, hanya polis sahaja tahu tentang tatacara kerja yang dipertanggungjawabkan kepada pegawai polis. Sekian, terima kasih.

10.04 pagi.

ACP Mohd Said bin Ibrahim [Ketua Polis Daerah Seremban, Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis (Bahagian A)]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera kepada Tuan Pengerusi, semua Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019.

Saya ACP Mohd Said bin Ibrahim, Ketua Polis Daerah Seremban, Negeri Sembilan. Dalam sesi pendengaran ini, saya terpanggil untuk menyentuh tentang fasal 29 berhubung dengan penubuhan Pasukan Petugas bagi maksud siasatan salah laku pasukan polis dan juga benda ini ada hubung kait dengan fasal 47 iaitu mengenakan kewajipan ke atas pasukan polis untuk merujuk kepada Suruhanjaya apa-apa kejadian atau insiden yang menyebabkan cedera parah atau kematian seseorang yang pada masa itu berada dalam tahanan atau jagaan pasukan polis.

Di sini saya ingin melihat tentang rang undang-undang ini, adakah ia berhubung dengan salah laku polis ataupun ia berhubung dengan perlakuan jenayah yang dilakukan oleh polis? *Because*, apabila berlakunya kematian di dalam lokap, di dalam sel polis dan cedera parah, ia adalah satu jenayah. CPC telah pun menggariskan undang-undang bahawa beberapa peraturan perlulah dibuat. Koroner akan dipanggil, *Medical Officer* akan dipanggil. Dan yang terbaru, SUHAKAM akan dipanggil.

Jadi, di mana relevannya tentang Suruhanjaya ini untuk hadir dan melihat salah laku yang dilakukan oleh polis, manakala kejadian yang berlaku- kematian, *of course*, bagi saya adalah satu kejadian jenayah. Saya rasa tidak berapa relevan dan saya mohon mencadangkan supaya dikaji semula. Apa yang saya lihat, ia tidak sesuai dimasukkan. Antara salah laku dan jenayah adalah dua perkara yang berbeza. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih kepada semua penghujah dari Bahagian A. Ada penghujah lain? Tidak ada, kan? Itu semua sudah *complete*.

Jadi, saya sekarang menjemput *speaker* yang pertama daripada Bahagian B iaitu INSP Harminder Singh a/l Pritam Singh. Silakan.

10.06 pagi

INSP Harminder Singh a/l Pritam Singh: Selamat pagi Tuan Pengerusi, Datuk-Datuk, tuan-tuan.

Saya INSP Harminder Singh a/l Pritam Singh, Pengerusi PPKPB dari kontinjen Negeri Sembilan. Di sini saya merujuk pada fasal 22(2) Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 di mana di sini saya rasa di bawah fasal 22(2) di mana kuasa-kuasa Ketua Polis Negara akan diambil.

So, kalau dirujuk pada seksyen 96 di mana dirujuk di bawah Akta Polis 1967, seksyen 96 adalah Peraturan-peraturan Polis dan seksyen 97 adalah Perintah Tetap. Dan daripada wujudnya PDRM sehingga hari ini, ini adalah kuasa-kuasa polis dalam usaha menjaga ataupun mengurus PDRM.

Jadi, jika seksyen-seksyen atau kuasa-kuasa Ketua Polis Negara diambil, di manakah kita akan rujuk? Pada seksyen mana atau di bawah akta mana yang kita akan rujuk di mana-ataupun pengambilan oleh IPCMC, di manakah- atau di sini, untuk bahan rujukan bagi pihak PDRM yang sedang bertugas. So, di sini saya cadangkan bahawa fasal 22(2) dikeluarkan daripada fasal ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. *I think* ada satu penghujah INSP Zaidi bin Mohd Nor dari kumpulan B. Silakan.

10.08 pagi

INSP Zaidi bin Mohd Nor [Pengerusi Kontinjen Johor, Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis (Bahagian B)]: Selamat pagi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Datuk-Datuk dan tuan-tuan.

Saya INSP Zaidi bin Mohd Nor, wakil persatuan PPKPB Johor. Soalan saya berkenaan dengan tujuan penubuhan akta ini iaitu IPCMC ditubuhkan dan ada beberapa peruntukan mengenai fungsi dan kuasanya iaitu termasuklah dengan penerimaan aduan salah laku, siasatan terhadap salah laku, prosiding menangani salah laku dan sebagainya.

Di sini bermakna akta ini ataupun IPCMC ditubuhkan menerima aduan, menyiasat, prosiding dan sebagainya. Berbeza dengan EAIC ataupun SIAP yang mana menerima aduan, menyiasat aduan dan seterusnya menyerahkan kepada Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP) untuk prosiding ataupun hukuman.

Soalan saya, adakah IPCMC ini ditubuhkan mempunyai pengasingan kuasa ataupun *separation of powers*? Ada ataupun tidak digubal undang-undang ini berkenaan perkara tersebut? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Baik, terima kasih. Saya percaya hanya dua penghujah dari Kumpulan B.

Jadi, sekarang saya menjemput *speaker* dari kumpulan yang ketiga iaitu dari Persatuan Pegawai Polis Pangkat Rendah- Sub-INSP Mohd Isa bin Haji Simbok.

10.09 pagi.

SI Mohd Isa bin Haji Simbok [Timbalan Presiden, Persatuan Pegawai Rendah Polis Diraja Malaysia]: Terima kasih Yang Berhormat. *Assalamualaikum* dan salam sejahtera Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pada pagi ini.

■1010

Alhamdulillah, kita dapat berjumpa dalam sesi yang penting bagi PDRM dan kerajaan pada hari ini. Saya ada beberapa perkara yang saya rasa saya patut bawa dalam perjumpaan kali ini dan *alhamdulillah*, ini juga perjumpaan kali kedua, di mana kali pertama perjumpaan di Kuala Lumpur pada tiga minggu lepas.

Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Tuan Pengerusi kepada klausa 5 bagi Rang Undang-undang IPCMC ini... [*Merujuk kepada paparan slaid*] Di Klausa 5 ini, kita pergi kepada 5(2)(a) iaitu kuasa suruhanjaya antaranya ialah menasihati kerajaan mengenai menambah baik kesejahteraan dan kebajikan anggota Polis Diraja Malaysia.

Saya berpandangan bahawa, dalam menambah baik segala keperluan dan kebajikan ataupun kesejahteraan PDRM ini, ia sewajarnya adalah wajib dijalankan terlebih dahulu kerana pada pendapat saya ini adalah punca kepada masalah integriti ini.

Saya berterima kasih kepada rombongan SIAP yang telah membuat pemeriksaan ke tempat-tempat kediaman- itu hanya sebahagian daripada kesengsaraan PDRM yang kami lalui untuk beberapa masa sebelum ini dan hari ini, dan *in syaa Allah* akan datang.

Saya mewakili Persatuan Pegawai Rendah Polis Negeri Johor, sebagai Timbalan Presiden Pegawai Rendah Polis Diraja Malaysia, di mana kami adalah kelompok yang besar dengan jumlah seramai 100,100 orang ahli di Malaysia, dan di Johor sendiri- 7,943 ahli.

Saya terpanggil ke arah ini untuk memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk tengok semula rang undang-undang ini diharmonikan mengikut keadaan jika ia wajar diadakan. Dahulukan kesejahteraan dan kebajikan ini- kami akan mempersembahkan kerana Yang Berhormat-Yang Berhormat berada pada hari ini di sini adalah disebabkan antaranya,

kami penyebab kehadiran Yang Berhormat-Yang Berhormat di situ, kami mewujudkan keadaan aman dan sejahtera selama ini.

Kalau pergi kepada skop salah laku, saya rasa ada beribu-ribu pegawai dan anggota polis yang membuat tugas-tugas yang tidak mungkin dapat dilakukan oleh semua orang- ini tidak dilihat oleh komuniti atau Ahli Yang Berhormat- mohon maaf saya memberitahu perkara itu.

Perkara kedua, saya hendak sebut ialah berkenaan dengan klausa 10. Kita pergi kepada klausa 10(7)- suruhanjaya boleh mengundang mana-mana orang atau mana-mana wakil daripada pasukan polis untuk menghadiri mesyuarat. Mesyuarat ini ditentukan dalam klausa 10 ini, ia perlu diadakan sekurang-kurangnya dua kali sebulan tetapi apabila pergi kepada 10(7) boleh mengundang wakil daripada pasukan polis. Maka saya mohon supaya wakil daripada pasukan polis ini adalah kuorum tetap di dalam mesyuarat ini. Meskipun dia tidak boleh mengundi, saya mohon ia berada dekat sana kerana apabila dia diundang, kalau dia diundang, apabila dia diundang sekurang-kurangnya mesyuarat-mesyuarat yang sebelum ini telah disentuh oleh pandangan dan juga pendapat berdasarkan kepakaran memahami institusi PDRM itu sendiri daripada awal hingga akhir.

Akhir sekali, saya suka membawa kepada klausa 58 rang undang-undang ini. Di klausa 58 rang undang-undang ini, segala aduan, penyiasatan, dapatan dan pendengaran berhubung dengan agensi penguatkuasaan selain Polis Diraja Malaysia sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Akta yang dimansuhkan- akta yang dimansuhkan adalah EAIC dulu-SIAP, apabila secara automatik terubur, maka undang-undang ini dikuatkuasakan. Agensi-agensi penguat kuasa lain, keseluruhan dulu 21 di bawah EAIC, tolak polis satu, dikenakan IPCMC, tinggal lagi 20- 20 ini kembali kepada PBT masing-masing, kepada pihak berkuasa tatatertib masing-masing.

Soalan saya dalam ini yang meragukan saya adalah, adakah EAIC itu berjaya atau gagal? Seheinggakan agensi yang 20 ini yang sepatutnya berada di bawah EAIC ini terubur dan kembali semula kepada agensi penguat kuasa masing-masing. Ini meragukan- pada saya.

Kalau sekiranya EAIC ini satu institusi yang berjaya disebabkan 20 agensi tadi ini dapat dikembalikan semula kepada agensi PBT masing-masing, mengapa tidak perkukuhkan ataupun tidak harmonikan EAIC itu sendiri? Ada perbezaan antara merombak atau merubah atau memperbaiki perkara yang sedia ada dengan perkara yang baru. Ini akan pergi kepada persepsi dan lebih kepada *negative thinking* kepada semua orang. Terima kasih daripada Persatuan Pegawai Rendah Polis Diraja Malaysia, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Baik, terima kasih. *I think- is there anything else from the third group?*

Datuk Roosme binti Hamzah: *That one is the last group.*

Tuan Pengerusi: *That's the last group. That's the number four.*

Datuk Roosme binti Hamzah: *RESPA is for Retired Senior Police Officers' Association.*

Tuan Pengerusi: *RESPA right? So, I will invite the speaker from RESPA. You can introduce yourself before starting.*

10.18 pagi

Datuk A. Sabapathy [Pengerusi, Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis Bersara Malaysia (Johor)]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Datuk-Datuk, tuan-tuan yang saya hormati.

Nama saya Datuk A. Sabapathy, bekas polis dan saya telah berkhidmat di dalam pasukan polis selama 35 tahun, dan juga dengan Kerajaan Negeri Johor selama 22 tahun.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, inilah *first time* dalam 33 tahun, satu ahli jawatankuasa dikehendaki tubuh untuk mengambil beberapa tindakan di atas anggota polis yang terlibat di dalam *various complaints* dan sebagainya.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, *I do agree with our present police officers, we have the powers, the police force have the powers under various ordinance. The powers of investigation under CPC, Penal Code, Police Act, police regulations. Why must another body being introduced to take action against the present police officers who are involved in any criminal actions?*

I do not object to the body being founded. What I am objecting is, you must draw a line between these two discipline body and criminal offence.

Now, criminal offence, the police has widely vast powers of investigation to prosecute such person, including police officers who commit any major crime. Now, with regards to discipline offences, I think the IGP, the CPO of various states, they are competent, they are efficient enough to take proper disciplinary actions against police officers who commit criminal offences. Why must everything be referred to a certain body?

Now, if the public is not happy about it, they can bring the matter up to the Minister of Home Affairs or a body which is being ditubuhkan pada masa sekarang, kesalahan-kesalahan yang of importance such as prisoners are being killed in the lock-up, prisoners are being assaulted. If ada kompelin, this body can take action, but what I am trying to say is, is not that you cannot- the IGP is not saying- the police officers are not saying, "No, you cannot have this body". You can have this body, but you must draw a line. If you not draw a line, the moral of the men, the moral and image of the police force will go down.

■1020

We never had this body but I'm not objecting the body. You by all means had this body. Akan tetapi, you must draw a line- the power given to them and the power of the police force.

So, therefore I humbly request that the committee will seriously study the power between this body and the police force. If the police force cannot take necessary action against police personnel who commit disciplinary action or you want certain minor criminal offenses when they refer the matter to the DPP to decide- we have Public Prosecutor in the police investigate and submit the paper to them. They are- they have the power.

Therefore, I sincerely hope Sir that we must help- the police force must have certain power with regards to its own personnel and if people are not happy, they can bring up to this body once it is form. Thank you very much Sir.

Please remember Sir, the police force, my blood and soul are in the police force because I've served 34 years in the police force, two years state, and 22 years in the state of Johor, so I know how as an ex-policeman feel if my officers cannot look after me. My officers cannot take the action against me. Somebody else comes here and call me here, call me there, call the OCPD. I think the morale of the police force is very important. Thank you very much.

Tuan Pengerusi: *Thank you very much. I think that is the end of the speakers. Lists of speakers for this session, for this group.*

So, I think we can start with our session now, sesi soal jawab. I think I will start and then of course later other members of the Committee will also follow suit.

Thank you for your views and suggestions. I think one common view which I think has been shared not only within this group but by all the other groups of police officers that we have interviewed is that- they support their IPCMC Bill with conditions. If that is what I understand correctly- dengan syarat. Of course, there are many complaints- well I wouldn't say complain but condition. One of which I think is that the bill is a bit too general and that might lead to abuse- perhaps, and things like that. The other concern is with regards to the separation of the powers in the bill, compare with other laws and legislations like the Penal Code, CPC and so on.

So, my- I just would like to know, I mean from my understanding of what I just heard from you this morning- is there- this IPCMC Bill have come about the background of it, is actually not a new thing. Is has been proposed since 2005. Although it has not gone any further since but we have EAIC after that. It's still on going. You have today the commission which is empowered to investigate misconduct. So, that commission will be taken over by the IPCMC when it comes in under the Constitution.

So, what are your views when the current system is overtaken by a completely new system? Maybe is because you might be unfamiliar with the new and perhaps that might be a bit worrisome but is it not good thing to overcome misconduct in the force? I think misconduct there is in the force. I think we cannot deny that. So, the previous mechanism that have been put in place to tackle such misconduct has been found to be maybe an adequate.

So, do you feel that the IPCMC will give bite and allow- make it a bit more strengthen it with the inclusion of a third party who will now come in and act as an independent body to oversee the force? Do you think it would- do you not think it will be effective the IPCMC? Any-ada?

ACP Mohd Said bin Ibrahim: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Selamat pagi Yang Berhormat.

